




**KETUA PENDAFTAR
INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA
REGISTRAR GENERAL
PRIVATE HIGHER EDUCATIONAL INSTITUTIONS**
Jabatan Pendidikan Tinggi
Department of Higher Education
Aras 9, No.2, Menara 2,
Jalan P5/8, Presint 5
62200 PUTRAJAYA
MALAYSIA



Tel: 603-88706381
Faks (Fax): 603-88706840
Portal Rasmi: <http://jpt.mohe.gov.my>
(Official Portal)

*Pendaftaran
Helsahan di
website*

NAIB CANSelor
KUIM


Ruj. Kami : JPT/GS 1000-37 Jld. 11()

Tarikh : 3 Oktober 2017

4/10/17

Semua Ketua Eksekutif IPTS

YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/ Datin/Prof./Dr./ Tuan/Puan



**HEBAHAN: PENDAFTARAN SEBAGAI PENGUNDI (PEMILIH) BAGI
WARGA DAN PELAJAR DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA
(IPTS)**


Dengan segala hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Seperti mana YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./ Tuan/Puan sedia maklum, adalah menjadi hak setiap warganegara yang layak untuk mendaftar sebagai pengundi bagi memilih kerajaan yang akan memerintah negara melalui pemilihan wakil rakyat yang akan mewakili mereka di Dewan Rakyat dan Dewan-dewan Undangan Negeri. Bagi merealisasikan hak tersebut adalah menjadi keperluan kepada warganegara untuk memastikan nama mereka tersenarai dalam daftar pemilih.

3. Sehubungan dengan itu, sukacita dimaklumkan bahawa Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam usaha menggalakkan semua warga dan pelajar IPTS yang layak mendaftar sebagai Pemilih untuk menjamin hak mereka mengundi dalam sesuatu pilihan raya demi menjalankan tanggungjawab sebagai warganegara. Pendaftaran sebagai Pemilih adalah hak warganegara di bawah Perkara 119 Perlembagaan Persekutuan.

4. Syarat-syarat kelayakan untuk mendaftar sebagai pemilih adalah seperti yang berikut:

a. Seorang warganegara Malaysia;



KEMENTERIAN MELAKA
PEJABAT PENTADBIRAN

TARIKH: *9/10*

TINDAKAN

<input type="checkbox"/> Sendahari	<input type="checkbox"/> Ketua Unit Koperat
<input type="checkbox"/> Pengarah HEA	<input type="checkbox"/> Ketua Unit IT
<input type="checkbox"/> Pen. Jereh HEM	<input type="checkbox"/> Pen. Pendaftar
<input type="checkbox"/> Dekan Fakulti	<input type="checkbox"/> Pegawai Tadbit
<input type="checkbox"/> Dekan RADIACC	<input type="checkbox"/> Pen. Pegawai Tadbit
<input type="checkbox"/> PRO	<input type="checkbox"/> Ketua Keselamatan
<input type="checkbox"/> Jurutera	<input type="checkbox"/> Lain-lain

Calatar: *HEPA, Pegawai Swaf
dan Ketua Unit 39. AIA
Prof. Helsahan* **PENDAFTAR
KUIM**

HEBAHAN: PENDAFTARAN SEBAGAI PENGUNDI (PEMILIH) BAGI WARGA DAN PELAJAR DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS)

- b. Telah mencapai umur 21 tahun;
- c. Bermastautin di bahagian pilihan raya yang ingin didaftarkan; dan
- d. Tidak dihalang/ hilang kelayakan oleh undang-undang yang berkuat kuasa.

5. Bagi menjayakan proses pendaftaran ini, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah memperkenalkan dua (2) kaedah pendaftaran iaitu:

- i. Pendaftaran statik seperti di kaunter Ibu Pejabat SPR, Pejabat-pejabat Pilihan Raya Negeri atau Pejabat Pos Berkomputer.
- ii. Pendaftaran Bergerak seperti *Out-Reach Team* SPR, Penolong Pendaftar (Parti Politik) atau Penolong Pendaftar di Pejabat-pejabat Kerajaan yang dilantik oleh SPR.

Pendaftaran boleh dibuat melalui pusat-pusat pendaftaran seperti berikut:

- i. Ibu Pejabat SPR di Putrajaya
- ii. Pejabat-pejabat Pilihan Raya Negeri di seluruh negara
- iii. Pejabat Pos Berkomputer di seluruh negara
- iv. Pejabat Daerah/Pejabat Majlis Daerah
- v. Tempat-tempat awam seperti pasar malam, pasar raya atau taman-taman perumahan yang dikunjungi oleh *Out-Reach Team* SPR

6. YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan juga boleh mempelawa mana-mana wakil daripada SPR untuk mewujudkan kaunter Pendaftaran Pemilih di institusi melalui jemputan khas yang dibuat kepada SPR bagi memudahkan urusan pendaftaran di institusi masing-masing. Sebarang pertanyaan berhubung perkara ini boleh dikemukakan kepada urus setia SPR di talian 03-8892 7113/ 7140 atau melayari portal rasmi Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia (SPR) di pautan laman sesawang www.spr.gov.my.

HEBAHAN: PENDAFTARAN SEBAGAI PENGUNDI (PEMILIH) BAGI WARGA DAN PELAJAR DI INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI SWASTA (IPTS)


7. Kerjasama pihak YBhg. Tan Sri/Datuk/Dato'/Datin/Prof./Dr./Tuan/Puan adalah dipohon untuk menyebarkan luas maklumat tersebut di institusi masing-masing bagi memastikan mereka yang layak dapat menunaikan tanggungjawab sebagai pengundi.

8. Keprihatinan dan kerjasama YBhg. Tan Sri/Datuk/ Dato'/Datin/ Prof./Dr./Tuan/Puan mengenai perkara ini amat kami hargai dan didahulukan dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah



(DATIN PADUKA IR. DR. SITI HAMISAH BINTI TAPSIR)

Ketua Pendaftar

Institusi Pendidikan Tinggi Swasta

Kementerian Pendidikan Tinggi

s.k

1. Timbalan Ketua Pengarah Pendidikan Tinggi (IPTS)
Jabatan Pendidikan Tinggi
Kementerian Pendidikan Tinggi